

595:
MAHATHIR

1975

MELAKA, 13 APRIL (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGECEM HEBAT SETENGAH-SETENGAH PELAJAR MELAYU DI UNIVERSITI YANG BERLAGAK KONONNYA MEREKA +SUDAH MATANG, PANDAI DAN KUAT DAN ORANG LAIN TAKUT KEPADA MEREKA.+

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG GABUNGAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS) DISINI, DR. MAHATHIR BERKATA, MEREKA ITU BERLAGAK SEBAGAI JAGUH DAN BERPURA-PURA MENDAKWA BAHAWA DUNIA SEKARANG SUDAH MENGAKUI KEMATANGAN MEREKA. SANDIWARA SAPERTI INI DAN TUNJUK-TUNJUK PERASAAN DI UNIVERSSITI DAN LAIN-LAIN PERISTIWA MEMBERI GAMBARAN BAHAWA PELAJAR MELAYU SUDAH BANYAK PANDAI BERCAKAP-CAKAP TETAPI ISINYA KOSONG.

MEREKA MENONJOL-NONJOLKAN DIRI UNTUK MENDAPATKAN PERHATIAN AKHBAR-AKHBAR DAN DIPUJI OLEH PENUNTUT-PENUNTUT ASING, TERUTAMA YANG +BERKULIT PUTIH+. 125

TETAPI, DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA UKURAN KEBIJAKSANAAN MEREKA ITU TIALAH KELULUSAN UJIAN, +TIAP-TIAP TAHUN KITA MENELITI KEPUTUSAN UJIAN DALAM SURATKHBAR DAN DARI KEPUTUSAN ITU KESEDIHAN DAN KEKECIWAAN TIMBUL SEMULA.

+PERJUANGAN BELUM TAMAT. KITA BELUM SAMPAI. KITA BELUM BOLEH BERIHAT DAN BERSANDIWARA+. KATANYA.

-- BERSAMBUNG 1735/SZ

599

MAHATHIR --2 MELAKA

KATANYA, MEMANG RAMAI PELAJAR-PELAJAR MELAYU YANG MASUK KE UNIVERSITI SEKARANG.

TETAPI PERATUSAN YANG BERJAYA ADALAH RENDAH SEKALI KALAU DIBANDINGKAN DENGAN ORANG LAIN, DAN BAGI MEREKA YANG LULUS PUN KEMAMPUANNYA RENDAH.

DISATU JURUSAN, DARI 60 PELAJAR YANG DITERIMA, YANG LULUS LIMA TAHUN SELEPAS ITU CUMA 14 ORANG SAJA.

KATANYA LAGI, BANYAK PELAJAR-PELAJAR MELAYU CENDERONG KEPADA MENGADAKAN BERBAGAI PERISTIWA DI UNIVERSITI DAN SERING BERCAKAP TENTANG KEBENARAN.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA BILANGAN PELAJAR MELAYU YANG SEMAKIN RAMAI MASUK KE UNIVERSITI BUKAN KERANA KEMAMPUAN ISTIMEWA +TETAPI KERANA USAHA DARI PIHAK ORANG LAIN YANG MELUASKAN PELUANG KEPADA MEREKA+.

PIHAK YANG LAIN MENENTUKAN ASALKAN SAJA MENDAPAT KELAYAKAN MINIMA DIBERI KEUTAMAAN.

+INI ADALAH PEDIH DIDENGAR DAN MUNGKIN MENIMBULKAN PERASAAN MALU. TETAPI INI SATU KENYATAAN YANG BENAR. JIKA DIADAKAN SATU UJIAN BAGI MEMASUKI UNIVERSITI DAN YANG TERBAIK SAJA DIPILIH, SEBAHAGIAN BESAR DARI PELAJAR DI UNIVERSITI SEKARANG TIDAK AKAN BERADA DI UNIVERSITI.+ -- BERSAMBUNG 1740/YF

601

MAHATHIR - 3 MELAKA

KATANYA LAGI, UNTUK MEMASUKI UNIVERSITI PIHAK ORANG LAIN BOLEH TOLONG TETAPI UNTUK MENYERAP PELAJARAN, CUMA PELAJAR SAJA YANG BOLEH TENTUKANNYA.

+MEREKA MESTI PELAJAR DAN BUKAN ORANG LAIN YANG MESTI PELAJAR UNTUK MEREKA, + KATANYA.

PENUNTUT YANG CEKAP MUDAH MENYERAP PELAJARAN TETAPI YANG CUMA ADA KELAYAKAN MINIMA USAHA YANG KUAT ADALAH PENTING.

JIKA MEREKA BETUL-BETUL PELAJAR, YANG MENDAPAT KELAYAKAN MINIMA PUN BOLEH BERJAYA.

TETAPI SUASANA DALAM UNIVERSITI TIDAK LAGI SESUAI UNTUK BELAJAR. KETENANGAN TIDAK ADA DAN KEADAAN PANAS SETIAP MASA.

DALAM KEADAAN INI PELAJAR YANG BERKELAYAKAN MINIMA TIDAK DAPAT BELAJAR DAN MEREKA AKAN TAKUT KEPADA UJIAN. OLEH KERANA TIDAK DAPAT TIDAK UJIAN MESTI DIHADAPI, KETEGANGAN MENINGKAT. MINAT BELAJAR MAKIN MEROSOT DAN DENGAN INI KEPERCAYAAN KEPADA KEMAMPUAN DIRI SENDIRI JUGA MEROSOT. -- BERSAMBUNG 1800/YF

602

MAHATHIR - 4 MELAKA

KATA DR. MAHATHIR, BAGI PELAJAR YANG TIDAK BEGITU BAIK, MASA YANG PANJANG DIKEHENDAKI UNTUK MENGUASAI SATU-SATU PELAJARAN.

DIMASA CUTI SEPATUTNYA DIGUNAKAN UNTUK MENOKOK PELAJARAN DAN MEMBUAT PERSEDIAAN UNTUK PENGGAL AKAN DATANG.

TETAPI, KEBANYAKAN PELAJAR DALAM MASA CUTI PERGI KESANA-SINI MEMCADAKAN BERBAGAI ACARA. PERHATIAN YANG KUAT DIBERI KEPADA MASALAH ORANG LAIN SEMENTARA PELAJARAN SENDIRI TERBIAR.

PAPA PELAJAR MUNGKIN BERKATA SEMUA INI -- TUNJUK PERASAAN, KEGIATAN POLITIK, RANCANGAN-RANCANGAN MASA CUTI -- TIDAK MERJEJASKAN PELAJARAN MEREKA.

TETAPI KEPUTUSAN PEPERIKSAAN MEMBERI GAMBARAN YANG LAIN DAN GAMBARAN INI MENUNJUKAN DENGAN JELAS PENGUASAAN PELAJARAN OLEH PENUNTUT-PENUNTUT MELAYU TIDAK BOLEH DIBANGGAKAN. -- BERSAMBUNG 1814/YF

603

MAHATHIR --5 MELAKA

126

BAGI MEREKA YANG BETUL-BETUL SEDAR DAN SANGGUP MENGAKUI KEBENARAN, KEDUDUKAN TARAF PELAJARAN DIKALANGAN PELAJAR MELAYU ADALAH TIDAK MENYENANGKAN.

KEPADA MEREKA YANG BERJUANG DALAM BIDANG PELAJARAN, KEADAAN SAPERTI INI TIDAK BOLEH DIBIARKAN BERKEMBANG.

PENGAWASAN MESTI DIADAKAN DAN JIKA MEREKA TIDAK MENGAWASI KEADAAN ITU DAKWAAN MEREKA BAHAWA +MEREKA ADALAH PEJUANG PELAJARAN ADALAH PALSU.

+KESEDARAN BAHAWA MEREKA BERPEGANG KEPADA KEBENARAN JUGA PALSU. SEBENARNYA MEREKA PENGECUT, TAKUT KEPADA KENYATAAN DAN BERSEMBUNYI DIBELAKANG KHAYALAN+.

ADA PULA YANG SEDAR TAKUT MENYEBUT YANG BENAR SAPERTI +LUDAH KE LANGIT, KITA AKAN MALU. DAN LEBIH MENAKUTKAN LAGI IALAH KEBENARAN INI TIDAK POPULAR DAN KITA AKAN DIKECAM.+ -- BERSAMBUNG 1820/YF

604

MAHATHIR --6 MELAKA

+SIKAP INILAH YANG MENGHALANG KEJAYAAN. SIKAP INILAH YANG MENYEKAT KEJAYAAN ORANG MELAYU.

+KERANA TAKUT MALU, KERANA INGIN POPULAR, KITA SANGGUP MELIHAT KAUM SENDIRI HANCUR TANPA MEMBUAT APA-APA,+ KATA DR. MAHATHIR.

BELIAU TIDAK MAHU PELAJAR-PELAJAR MELAYU BERSIKAP +BIAR POKET KOSONG ASALKAN BERGAYA+.

DR. MAHATHIR MEMUJI GPMS KERANA PERJUANGANNYA TERHADAP PELAJARAN WALAUPUN ADA PENDAPAT YANG BERLAINAN TENTANG IDEOLOGI DAN POLITIK TETAPI TIDAK MENJEJASKAN BIDANG YANG DITENTUKANNYA.

KEBANYAKAN PERSATUAN PELAJAR YANG LAIN LEBIH BERMENYERONOK DENGAN KEGIATAN YANG MUDAH MENARIK PERHATIAN RAMAI. -- BERSAMBUNG 1823/YF

605

MAHATHIR --7 MELAKA

BAGI MEREKA PERJUANGAN DALAM BIDANG PELAJARAN TIDAK MENARIK DAN KEJAYAANNYA TIDAK MUDAH DIPAMIRKAN.

SEBALIKNYA, PERJUANGAN DALAM BIDANG LAIN SAPERTI POLITIK DAN PERJUANGAN MEREBUT KUASA BOLEH MEMENUHI +EGO+ SESEORANG ITU DENGAN LEBIH CEPAT DAN JELAS.

APA YANG DIKATAKANNYA ITU MEMANG MEMEDIHKAN TELINGA YANG MENDENGARNYA TETAPI, KATA DR. MAHATHIR, IA TIDAK MAHU PARA PELAJAR +KHAYAL+. -- BERNAMA 1828/YF